


PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Maksud Bekalan 2



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
	Cara Langsung Pinjaman	
2,132,000	0 0	2,132,000

OBJEKTIF

Menentukan pentadbiran Majlis Raja-Raja di bawah peruntukan dalam Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan diuruskan dengan teratur.

PELANGGAN

Secara langsung :

- (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (ii) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja; dan
- (iii) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Secara tidak langsung :

- (i) Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-kementerian serta Agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Negeri; dan
- (ii) Pihak swasta dan orang ramai.

STRATEGI

Mempertingkatkan dan memperkemaskan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Raja-Raja serta mengambil tindakan susulan dan memberitahu keputusan Majlis dengan cepat dan teratur. Di antara tumpuan utama adalah kepada pengurusan bayaran/perkhidmatan seperti berikut :

- (i) Elaun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (ii) Tambang-tambang kapal terbang (termasuk sewa kapal terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia bagi kegunaan Raja Yang Mempengerusikan Mesyuarat) daripada negeri masing-masing ke Kuala Lumpur atau ke tempat di mana mesyuarat Majlis Raja-Raja (di luar Kuala Lumpur) diadakan;
- (iii) Tuntutan daripada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana sewa perkhidmatan kereta-kereta kumpulan Kerajaan yang diguna oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja; dan
- (iv) Tuntutan bayaran balik sewa hotel untuk kediaman Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sekiranya istana masing-masing tidak dapat digunakan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN AM

Objektif – (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan personel yang cekap dan berkesan kepada urus setia Majlis Raja-Raja; (b) Memberi khidmat mengumpul maklumat serta menyampaikan keputusan penetapan tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha dengan cepat dan teratur; dan (c) Memberi khidmat dalam pengurusan pentadbiran dan pelaksanaannya supaya Mesyuarat Majlis Raja-Raja dapat diadakan dengan teratur, lancar dan sempurna.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2014 (Sebenar)	2015 (Anggaran)	2016 (Anggaran)
Bil. penyediaan baucar tuntutan/bayaran pentadbiran dan elaun mesyuarat Majlis Raja-Raja	480	500	600
Bil. urusan ketibaan dan keberangkatan balik DYMM/TYT menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan lain-lain urusan	62	50	70
Bil. Mesyuarat <i>Pre-Council</i> Majlis Raja-Raja	3	3	3
Bil. Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja	6	8	8
Bil. penyelarasan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan dan Penetapan Tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha	3	3	3

Pegawai Pengawal: PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran		Bil. Jawatan	
			2015 RM	2016 RM	2015	2016
RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA						
10000	Emolumen		800,000	769,000		
20000	Perkhidmatan dan Bekalan		1,451,000	1,346,000		
30000	Aset		40,000	0		
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		3,000	17,000		
Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja			2,294,000	2,132,000		
010000	PENTADBIRAN AM	<u>2,294,000</u>	<u>1,952,000</u>		
		10000	800,000	769,000	<u>15</u>	<u>15</u>
		20000	1,451,000	1,166,000		
		30000	40,000	0		
		40000	3,000	17,000		
010100	Pentadbiran Am	<u>2,294,000</u>	<u>1,952,000</u>	15	15
		10000	800,000	769,000		
		20000	1,451,000	1,166,000		
		30000	40,000	0		
		40000	3,000	17,000		
020000	"ONE-OFF"	<u>0</u>	<u>180,000</u>		
		20000	0	180,000		
020100	Mesyuarat Majlis Raja-Raja	<u>0</u>	<u>180,000</u>		
		20000	0	180,000		
Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus			2,294,000	2,132,000	<u>15</u>	<u>15</u>

(Muka surat ini dibiarkan kosong)